

TIDAK BOLEH DIFOTOSTAT

Perpustakaan
Universiti Teknologi MARA
Kampus Machang.

PENGAPLIKASIAN MOTIF TRADISIONAL PADA CINCIN LELAKI TINJAUAN DI
PANTAI TIMUR

MAZUIN BT MUSTAFA

97345563

SARJANA MUDA SENIREKA LOGAM HALUS

FAKULTI SENILUKIS DAN SENIREKA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

CAWANGAN KELANTAN

18500 MACHANG

KELANTAN DARUL NAIM

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim

ALHAMDULILLAH..... Syukur kehadiran ilahi dengan terhasilnya tesis ini maka diharapkan dapat memberikan suatu rujukan yang amat berguna untuk Fakulti Senilukis dan Senireka amnya dan Jabatan Senireka Logam Halus. Penghasilan tesis ini juga penting sebagai rujukan dan untuk tatapan khususnya untuk penyelidikan pelajar yang akan datang terutamanya mereka yang berminat untuk menyelidik berkenaan cincin lelaki.

Dalam penghasilan tesis ini banyak pengalaman-pengalaman berguna yang dapat dimanfaatkan untuk diri di dalam menilai sesuatu perkara yang berkaitan . Di samping itu, ia dapat menguji sejauh mana kemampuan diri untuk menyelesaikan masalah dan penghasilan kerja yang lengkap dan kemas. Setiap apa yang diperolehi ini akan dijadikan sebagai landasan dan panduan dalam penghasilan projek akhir atau projek ijazah saya. Oleh yang demikian dengan kesungguhan, ketekunan dan kesabaran semua masalah yang dihadapi dapat ditempuh dan diselesaikan dengan baik.

Sekalung budi dan ribuan penghargaan ini diucapkan kepada pihak-pihak yang terlibat serta yang banyak memberi kerjasama , panduan serta dorongan yang tidak terhingga sehinggalah terhasilnya kajian ini.

Akhir kata di sini, saya ingin mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan kepada :-

- **DATUK DR . HUSSIN @ MOHAMED B. ABD. RAHMAN** - *Provos Universiti Institut Teknologi Mara Cawangan Kelantan.*
- **EN. NIK ABDULLAH ZAWAWI CHE MAT** – *Penasihat Tesis (Pensyarah Pengajian liberal Senilukis dan Senireka).*
- **TN. HJ DAIHURI B. IDRIS** – *Koordinator Senilukis dan Senireka UITM Machang.*
- **PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK, UITM SHAH ALAM.**
- **PERPUSTAKAAN UITM CAWANGAN KELANTAN.**
- **PERPUSTAKAAN AWAN KOTA BHARU.**
- **HJ. MOHD ZAIN** – *Petukang barangan kemas, Pasar Lambak Uda.*
- **SEMUA PEKERJA DAN PETUKANG BARANGAN KEMAS DI ARKED UDA.**
- **IBU BAPA DAN RAKAN-RAKAN SEPERJUANGAN.**

Semoga apa yang terkandung di dalam pengkajian ini akan dapat sama-sama dikongsi ilmu pengetahuan dan akan diberkati oleh Allah s.w.t.....insya Allah.

Sekian, Terima Kasih.

MAZUIN BT MUSTAFA

SINOPSIS

Kajian yang dilakukan ini tertumpu kepada 'Pengaplikasian Motif Tradisional' khususnya pada cincin lelaki. Kajian ini jarang sekali diketengahkan oleh para pengkarya mahu pun oleh petukang-petukang barangan kemas terutamanya di Pantai Timur. Pengkajian dilakukan adalah bertujuan agar kesenian dan keindahan cincin yang bermotifkan ini dapat dinilai serta dihargai terutamanya oleh pemakai cincin di samping mengekalkan warisan turun temurun ini. Dalam menyiapkan kajian, pengkaji haruslah merujuk kepada karya-karya lampau bagi melengkapkan lagi kajian yang dijalankan. Di samping itu terdapat dua kaedah yang digunakan iaitu kaedah data Prime yang dilakukan secara temubual antara penyelidik dengan responden dan juga data Sekunder iaitu melalui pembacaan. Hasil daripada kajian yang diperolehi dilakukan melalui kaedah analisa data di mana data-data yang dikaji diproses dengan menggunakan nilai peratusan. Pengkaji mendapati bahawa faktor kemampuan, status dan umur mempengaruhi responden terhadap pemilihan motif dan rekaan pada cincin. Di samping itu, golongan muda juga lebih cenderung memilih motif yang lebih ringkas, manakala golongan yang lebih berumur pula meminati motif penuh (ukiran) ini disebabkan oleh faktor perbandingan usia dan citarasa yang mempengaruhi pemilihan oleh golongan muda. Walau bagaimana pun, motif ukiran asli yang diubah kepada bentuk moden masih mendapat perhatian pada pemakai cincin walau pun kini wujudnya rekaan-rekaan yang terbaru dan lebih menarik. Selain daripada itu, penggunaan motif fauna pula dalam reka corak cincin lelaki tidak digemari khususnya oleh kaum Melayu disebabkan oleh faktor agama. Daripada keseluruhan kajian kebanyakan responden yang ditemubual menerima pernyataan terhadap pemakaian cincin yang bermotifkan tradisional kerana ia dapat melambangkan kekelakuan, status, ketampanan, kemasyhuran dan sebagainya. Bagi mengekalkan dan menghidupkan lagi cincin yang bermotifkan tradisional maka langkah-langkah yang drastik perlu diambil agar warisan seni ini tidak ditelan zaman. Pihak-pihak Kerajaan dan badan-badan yang terlibat dengan kesenian perlu memperluaskan pasaran cincin tradisional ini ke pasaran dalam dan luar Negara agar pembuatan cincin ini dikenali dan masyarakat luar dapat menghayati kesenian ini. Di samping itu pendedahan perlu dilakukan terutamanya kepada pengkarya, petukang barangan kemas dan peminat kesenian Melayu ini dengan mengadakan bengkel-bengkel ia dapat memperluaskan lagi pemikiran minda dan pertukaran pendapat antara satu sama lain. Salah satu kesenian ini perlu dipelihara agar ia dapat di pertontonkan pada generasi yang akan datang.

SENARAI JADUAL

HALAMAN

1. JADUAL 1, PENGGUNAAN TEKNIK PEMBUATAN MOTIF PADA CINCIN.	46
2. JADUAL 2, PEMILIHAN TERHADAP MOTIF TRADISIONAL DAN MOTIF MODEN.	47
3. JADUAL 3, PEMILIHAN MOTIF PADA CINCIN.	47
4. JADUAL 4, PEMILIHAN MOTIF FAUNA SEBAGAI REKA CORAK	48
5. JADUAL 5, TABURAN KEKERAPAN PEMILIHAN MOTIF BE BERPANDUKAN PADA KEMAMPUAN,STATUS DAN UMUR.	49
6. JADUAL 6, TABURAN KEKERAPAN MEMINATI MOTIF PADA CINCIN.....	49
7.. JADUAL 7, PENGUBAHAN MOTIF UKIRAN ASLI KEPADA BENTUK LAIN.	50
8. JADUAL 8, PENGGUNAAN MOTIF FAUNA SEBAGAI MOTIF DALAM PENGHASILAN CINCIN.	51
9. JADUAL 9, PENERIMAAN KAUM LELAKI TERHADAP KEISTIMEWAAN CINCIN.....	52